

## Kurang kawalan ibu bapa 'lesen' remaja bebas

**Kuala Lumpur:** Kurangnya kawalan dalam keluarga menjadi faktor utama kepada permasalahan gejala sosial dan jenayah dalam kalangan remaja bawah umur pada hari ini yang dilihat semakin meningkat serta membimbangkan.

Kaunselor Berdaftar di Bahagian Kaunseling Universiti Putra Malaysia (UPM) Siti Fatimah Abdul Ghani berkata, segerintir ibu bapa yang terlalu sibuk bekerja terlepas pandang dan tidak

memantau aktiviti anak.

"Meskipun mereka bekerja, ibu atau bapa tidak boleh mengabaikan tanggungjawab ini atau terlalu percayakan anak, sebaliknya mereka perlu tahu aktiviti dan mengenali rakan anak berkenaan.

"Apabila mereka terlepas pandang maka itu menjadi punca anak tiada kawalan seterusnya mereka berasa selamat untuk menipu atau berbohong dengan ibu bapa masing-masing," katanya.

Katanya, sikap itu menjadi barah dan akhirnya remaja bawah umur ini terjebak dengan gejala sosial dan jenayah.

"Kajian dilakukan terhadap tingkah laku remaja yang terbabit dengan permasalahan gejala sosial dan jenayah ini menunjukkan peningkatan yang tinggi setiap tahun.

"Kita lihat anak remaja hari ini semakin liar dan bebas tanpa kawalan, malah lebih buruk lagi apabila ma-

syarakat kita sudah tiada budaya jaga tepi kain," katanya.

Katanya, tiada lagi budaya tegur menegur dalam kalangan masyarakat, malah sekiranya ada yang menunjukkan sikap prihatin sebegini mereka dianggap menyibuk.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai laporan muka depan Harian Metro semalam mengenai penahanan 45 remaja bawah umur yang majoritinya ber-

usia 16 dan 17 tahun membabitkan 25 lelaki serta 20 perempuan dalam Operasi Pusat Hiburan dijalankan sepasukan polis Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi.

Dalam serbuan bermula jam 4 pagi, 17 daripada 45 remaja bawah umur berkenaan tidak membawa kad

pengenalan dan mendakwa usia mereka lingkungan 25 tahun ke atas dengan gaya penampilan serta perwatakan dewasa.

Ketika serbuan, remaja bawah umur berkenaan sanggup menggunakan pelbagai helah bagi mengaburi pihak berkuasa semata-mata untuk berhibur di pusat hiburan di ibu kota.

## MOHOR LUBUK DOSA

Remaja  
bawah umur  
berhibur hingga  
minitari

LAPORAN Harian Metro, semalam.

